

Kesejahteraan Hidup: Kajian Petani di Kawasan Penanaman Padi di Negeri Perlis

Azizah Md Yusof
E-mel: azizah@uum.edu.my

Prof. Madya Dr. Jamal Ali
E-mel: jamalali@uum.edu.my

Dr. Roslina Kamaruddin
E-mel: roslina_k@uum.edu.my

ABSTRAK

Seiring dengan matlamat mencapai wawasan 2020, kerajaan berhasrat untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dan masyarakat berpendapatan rendah. Salah satu cabang atau usaha yang boleh dijalankan adalah meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat. Peningkatan taraf hidup rakyat ini merupakan salah satu agenda yang tersenarai dalam Program Transformasi Kerajaan dan terkandung dalam salah satu dari enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Peningkatan taraf hidup atau kesejahteraan hidup merupakan salah satu perkara yang menjadi agenda dalam pembangunan negara. Kebanyakan negara maju telah menjadikan isu kesejahteraan hidup sebagai salah satu agenda dalam pembangunan negara mereka dan begitu juga dengan Malaysia. Malah perkara ini pernah disuarakan oleh mantan Perdana Menteri kita, Tun Mahathir yang mengatakan, meskipun kesejahteraan hidup bukanlah merupakan salah satu petunjuk penting ekonomi namun kebanyakan negara kini telah mula memberikan perhatian terhadap soal ini kerana kemajuan sesebuah negara itu hanya boleh diukur berdasarkan kualiti hidup rakyatnya yang bertambah baik secara berterusan. Tan Seri Muhyiddin pula berkata, di Malaysia, kumpulan masyarakat petani merupakan salah satu kumpulan yang perlu diberikan perhatian kerana meskipun negara kita dikenalpasti sebagai sebuah ekonomi yang berjaya oleh Bank Dunia namun, masih terdapat kumpulan masyarakat petani khususnya yang masih belum mengecap nikmat pembangunan tersebut dan mereka seolah-olah berada di pinggir proses pembangunan negara (Mohd Shaladdin et al, 2006). Sekiranya perkara ini tidak di atasi, maka ia sudah pasti akan mengganggu matlamat pencapaian kesejahteraan hidup masyarakat dan seterusnya negara secara keseluruhan. Keadaan ini pasti akan menghalang atau sekurang-kurangnya melambatkan pencapaian matlamat wawasan 2020. Banyak dasar berkaitan pertanian telah dilaksanakan namun kesannya sukar diperhatikan terutamanya dari aspek kesejahteraan hidup. Justeru, kajian tentang kesejahteraan hidup petani perlu dijalankan bagi memastikan tahap kesejahteraan hidup mereka seiring dengan matlamat dasar-dasar pembangunan yang dijalankan selama ini. Kajian ini cuba mengupas bagaimana kedudukan kesejahteraan hidup golongan petani di kawasan penanaman padi sekitar negeri Perlis serta cuba mengenalpasti perkara-perkara yang mempengaruhi tahap kesejahteraan hidup tersebut. Berpandukan pendekatan kehidupan lestari, data-data dan maklumat yang dikumpul telah melalui analisis faktor penentu menggunakan Model Persamaan Berstruktur. Hasil kajian mendapati tingkat kesejahteraan hidup petani padi di kawasan MADA Perlis adalah dipengaruhi oleh kepuasan mereka terhadap empat perkara iaitu perumahan, pendapatan, perbelanjaan dan tahap pemilikan aset secara keseluruhan.

Kata kunci: Kesejahteraan Hidup, Analisis Kehidupan Lestari, Aset Kehidupan, Model Persamaan Berstruktur, Penganggaran Kebolehdajadian Maksimum.

ABSTRACT

In line with the objectives of Vision 2020, the government intends to increase the standard of living for low-income communities. One of the branches or joint can be done is increase the well-being of the people. Increased standard of living is one of the agenda listed in the Government Transformation Program and is contained in one of the six National Key Result Areas (NKRA). Rising standards of living or well-being is one thing on the agenda for national development. Many developed countries have made the issue of well-being as one of the agenda in the development of their country and so is

Malaysia. In fact this was expressed by former Prime Minister, Tun Mahathir said, despite their well-being is not one of important economic indicators, but many countries have now started paying attention to this matter because of the progress of a nation can only be measured by the quality of life for people who improved continuously. Tan Sri Muhyiddin also said that in Malaysia, the farming community is one of the groups that need to be addressed as though our country identified as a successful economy by the World Bank but, there are still groups of people who are not farmers in particular pleasures and their development seems to be on the outskirts of the country's development process (Mohd Shaladdin et al, 2006). If the matter is not resolved, then it would certainly disrupt the achievement of goals and subsequent well-being of society as a whole. This condition will prevent or at least delay the attainment of Vision 2020. Many agriculture-related policies have been implemented, but its effect is observed particularly difficult aspect of well-being. Thus, the study of the well-being of farmers should be conducted to ensure its well-being in line with the goal of development policies carried out over the years. This study tried to peel the well-being position's of the farmers in rice growing areas around the state of Perlis and try to identify the factors that influence their level of well-being. Based on sustainable livelihood approach, all data and information gathered was analyzed using a factor analysis and structural equation modeling. The study found that the welfare of rice farmers living in the MADA area Perlis is influenced by their satisfaction on four things: housing, income, expenses and the ownership of the assets as a whole.

Key words: Well-being, Sustainable Livelihood Analysis, Livelihood Assets, Structural Equation Modeling, Maximum Likelihood Estimation.

PENGENALAN

Konsep kesejahteraan hidup merupakan satu proses dinamik yang memberikan nilai kepada manusia tentang bagaimana kehidupan mereka berkembang sama ada bertambah baik atau sebaliknya. Meskipun ia mempunyai dimensi yang pelbagai namun secara tradisinya ia diukur melalui petunjuk ekonomi iaitu tingkat pendapatan (Fabrica dan David). Namun demikian, sejauhmanakah tingkat pendapatan itu dapat menggambarkan dengan tepat tentang persoalan kesejahteraan hidup? Ini adalah kerana konsep kesejahteraan hidup itu sendiri merupakan suatu yang subjektif dan tidak mudah untuk diukur. Pengukuran dilakukan berdasarkan petunjuk-petunjuk tertentu dan berbeza di antara kumpulan masyarakat yang berbeza.

Dalam Negara yang terdiri dari pelbagai bidang ekonomi, menyaksikan masyarakat terasing mengikut kegiatan ekonomi masing-masing dan menikmati taraf hidup serta kesejahteraan hidup yang berbeza. Dalam kajian ini golongan petani dijadikan sebagai unit kajian dalam menilai tentang persoalan kesejahteraan hidup.

Sungguhpun Malaysia menuju ke arah Negara maju berasaskan perindustrian, namun sektor pertanian khususnya sektor padi dan beras masih diberikan penumpuan memandangkan beras merupakan makanan ruji kita di samping alasan keselamatan makanan. Pelbagai sokongan yang dizahirkan dalam bentuk dasar telah dilaksanakan dalam sektor ini. Antaranya Dasar Pertanian Negara Pertama (DPN 1) 1984-1991, Dasar Pertanian Negara kedua (DPN 2) 1992 – 1997 dan Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN 3) 1998- 2010. Kini episod Dasar Pertanian Negara telah pun berakhir dan kerajaan memperkenalkan pula Dasar Agromakanan Negara (DAN) untuk tempoh sepuluh tahun bermula 2011- 2020. Dari sudut produktiviti padi, hasil dasar-dasar tersebut dapat dilihat dalam perubahan jumlah pengeluaran padi untuk setiap tahun. Jadual 1 menunjukkan bagaimana perubahan dalam pengeluaran padi untuk setiap wilayah MADA dari musim dua tahun 2000 hingga musim pertama tahun 2010.

Dari jadual dapat dilihat bagaimana produktiviti padi yang tidak menunjukkan perubahan ketara bukan sahaja untuk setiap tahun malah juga bagi setiap wilayah di dalam kawasan MADA. Jika dilihat dari sudut pendapatan pula, pendapatan petani padi di kawasan MADA mengalami peningkatan yang ketara terutama pendapatan dari hasil pertanian meskipun peningkatan hasil padi secara fizikalnya tidak menunjukkan perubahan yang ketara. Jadual 2 pula menunjukkan dengan jelas akan maklumat tersebut. Dari sudut kesejahteraan hidup objektif, jadual 2 jelas menunjukkan tingkat kesejahteraan hidup petani telah mengalami peningkatan yang ketara. Namun tidak dapat dipastikan sama ada kesejahteraan hidup subjektif mereka turut mengalami peningkatan.

Meskipun kesejahteraan hidup bukanlah merupakan salah satu petunjuk penting ekonomi namun kebanyakan Negara kini telah mula memberikan perhatian terhadap soal ini kerana kemajuan sesebuah Negara itu hanya boleh diukur berdasarkan kualiti hidup rakyatnya yang bertambah baik secara berterusan. Meskipun Negara kita dikenalpasti sebagai sebuah ekonomi yang berjaya oleh Bank

Dunia namun, masih terdapat kumpulan masyarakat petani khususnya, yang masih belum mengecap nikmat pembangunan tersebut dan mereka seolah-olah berada di pinggir proses pembangunan Negara (Mohd Shaladdin et al, 2006). Ini secara tidak langsung telah meletakkan petani pada kedudukan kesejahteraan hidup yang rendah berbanding kumpulan masyarakat yang lain. Keadaan ini berlaku juga antaranya di sebabkan oleh cara pengukuran faedah pembangunan yang hanya berkisar kepada petunjuk objektif sahaja iaitu status ekonomi dan agihan pendapatan.

Kesejahteraan hidup diukur menggunakan dua pendekatan iaitu pendekatan objektif dan pendekatan subjektif. Pendekatan objektif dibangunkan secara mekanikal dan tidak boleh menjadi pengukuran yang tepat bagi kesejahteraan hidup. Dalam konteks ini, pengukuran objektif yang digunakan adalah tingkat pendapatan. Pengukuran subjektif mengambilkira perasaan dan pengalaman sebenar dalam pengukurannya (Rabobank, 2011). Pengukuran secara subjektif merangkumi aspek yang lebih luas dan menyeluruh seperti pendapatan dan pengagihan, persekitaran kerja, pengangkutan dan komunikasi, kesihatan, pendidikan, perumahan, alam sekitar dan kehidupan (Norizan, 2003). Pengukuran kesejahteraan hidup dilakukan berdasarkan petunjuk-petunjuk tertentu dan ia berbeza di antara kumpulan masyarakat yang berbeza. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat tahap kesejahteraan hidup petani dan faktor-faktor yang mempengaruhinya bagi petani kawasan MADA di sekitar negeri Perlis.

DEFINISI KESEJAHTERAAN HIDUP

Persoalan tentang kesejahteraan hidup banyak dibahaskan dan dikaji dalam kajian-kajian terdahulu dan ia dikaitkan dengan pelbagai aspek seperti fenomena politik, sikap, tindakan, kestabilan, optimis dalam jangkaan terhadap kehidupan masa depan, kepuasan terhadap kerajaan, kuasa dan penglibatan politik (Fred, 1979). Perkataan kesejahteraan hidup itu sendiri membawa banyak maksud dan pengertian, selain dari mempunyai banyak kata sinonim. Veenhoven(2006) mengaitkan kesejahteraan hidup dengan kegembiraan. Kegembiraan pula didefinisikan sebagai sejauhmana seseorang itu menyukai akan kehidupan yang dilaluinya atau darjah di mana seseorang itu menilai keseluruhan kehidupannya, secara positif. Beliau juga mengatakan, perkataan kesejahteraan hidup, kegembiraan, kualiti kehidupan, kepuasan hidup, kebajikan merupakan perkataan yang menerangkan konsep yang sama iaitu kehidupan yang baik. Namun kesejahteraan hidup tidak sama dengan kegembiraan walaupun kedua-dua istilah tersebut sering digunapakai bersama. Hakikatnya kesejahteraan hidup adalah kategori yang luas tentang fenomena termasuk respon emosi individu, bidang kepuasan, dan penilaian global terhadap kepuasan hidup (Diener et al.,1999). Banyak juga kajian lain dilakukan dalam aspek kesejahteraan hidup. Antaranya kajian oleh Renwick (2006) yang sekaligus mendefinisikan kesejahteraan hidup sebagai suatu perkara yang menyebabkan seseorang merasa seronok, bahagia dan merasakan hidupnya bermakna.

Pada dasarnya kesejahteraan hidup merupakan satu konsep yang mudah untuk didefinisikan iaitu ia melihat kepada bagaimana 'baiknya' kehidupan seseorang, namun jika kita mengkaji dengan lebih mendalam, kita akan dapati betapa sukarnya untuk menentukan dan menjawab persoalan tentang bagaimana baik atau tidaknya kehidupan seseorang. Persoalan ini hanya boleh dijawab dengan mengkaji secara keseluruhan aspek kehidupan seseorang kerana menurut Renwick (2006), kehidupan yang baik terhasil dari pelbagai aspek dan keadaan kehidupan yang saling bekerjasama dan berkaitan di dalam cara yang sangat kompleks.

Apa yang dianggap baik atau berkualiti oleh seseorang mungkin tidak bagi seseorang yang lain. Ini menyebabkan terdapat banyak definisi tentang kesejahteraan hidup walaupun dalam suatu tempoh masa dan budaya yang sama, mereka akan memikirkan persoalan tentang kualiti dalam cara yang tertentu dan khusus berkaitan dengan situasi dan ciri-ciri kehidupan mereka.

Norizan (2003) mendefinisikan kesejahteraan hidup mengikut dua kategori iaitu objektif dan subjektif. Kesejahteraan hidup objektif bermaksud keperluan hidup yang dapat dikecapi oleh individu dan dapat dilihat secara luaran seperti pendapatan, perumahan, kesihatan dan pendidikan. Manakala kesejahteraan hidup subjektif pula dinilai berdasarkan kepuasan dan nikmat hidup yang dirasakan oleh individu seperti berasa seronok dan bersyukur kerana mempunyai pekerjaan yang baik, anak-anak yang berjaya dan mempunyai keluarga yang bahagia. Beliau juga mengatakan bahawa kesejahteraan hidup adalah merupakan kualiti hidup subjektif kerana ia adalah kemuncak kepada kepuasan dan kebaikan manusia.

Laporan Kualiti Hidup Malaysia (1999) mendefinisikan kualiti hidup sebagai perubahan yang berlaku dalam masyarakat dan sistem sosial daripada keadaan yang dianggap kurang memuaskan, kepada keadaan yang lebih baik dan memuaskan. Ia merangkumi gaya hidup yang sihat, kemajuan diri, akses dan kebebasan memperolehi ilmu pengetahuan serta tahap kehidupan yang melebihi keperluan

asas individu dan memenuhi keperluan psikologi untuk mencapai tahap kesejahteraan hidup sosial dengan aspirasi Negara (Mohd Shaladdin et al 2006).

Untuk tujuan kajian, penyelidik akan menggunakan indikator-indikator yang terdapat dalam Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM) dan disesuaikan dengan indikator-indikator yang digunakan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu seperti DFID (1999), Norizan (2003), Ms Salam (2009), dan Stiglitz (2009). Antara indikator tersebut adalah kesihatan, pendidikan, perumahan, alam sekitar, kehidupan keluarga, penyertaan sosial, keselamatan awam dan infrastruktur serta kemudahan.

PERSOALAN KAJIAN

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan sama ada dalam bentuk dasar mahupun program, yang bertujuan antara lainnya untuk meningkatkan kesejahteraan hidup kumpulan petani. Antara bentuk program yang dilaksanakan adalah projek 10 tan, mini estet, estet padi dan ladang contoh. Selain itu, pelbagai subsidi dan bantuan turut disalurkan seperti subsidi baja dan racun rumpai, subsidi benih, bantuan pengairan serta bantuan-bantuan dalam bentuk program latihan dan pengembangan. Antara matlamatnya adalah untuk meningkatkan produktiviti padi dan seterusnya kesejahteraan hidup golongan petani. Namun, sejauhmanakah matlamat tersebut berjaya dicapai? Adakah tingkat kesejahteraan hidup mereka semata-mata bergantung kepada faktor-faktor tersebut atau terdapat lain-lain perkara yang turut mempengaruhi kesejahteraan hidup mereka?

Memandangkan Negara kita sedang menuju pencapaian matlamat wawasan 2020 yang antara lainnya memerlukan setiap negeri di dalam negara terlebih dahulu mencapai status negeri maju maka persoalan tentang kesejahteraan hidup ini perlu diberikan perhatian serius. Sesuatu harus dilakukan bagi membantu meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat supaya matlamat pencapaian status Perlis maju 2015 akan berjalan lancar. Namun, sebelum kita dapat meningkatkan usaha ke arah tersebut, kita perlu terlebih dahulu mengetahui bagaimanakah keadaan kesejahteraan hidup kumpulan ini. Adakah mereka benar-benar perlukan bantuan dalam soal kesejahteraan hidup? Mengetahui akan kedudukan tahap kesejahteraan hidup kumpulan ini adalah penting kerana dengannya kita akan dapat mengikuti perkembangan kesejahteraan hidup mereka di samping mengetahui faktor-faktor yang mempengaruhinya agar kita dapat membantu meningkatkan kesejahteraan hidup mereka serta seterusnya, matlamat meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat keseluruhan, tidak akan terhalang. Untuk tujuan berkenaan, persoalan berikut perlu dijawab.

1. Bagaimanakah kedudukan kesejahteraan hidup petani di kawasan kajian?
2. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kesejahteraan hidup subjektif petani di kawasan kajian ?

Seiring dengan persoalan di atas, objektif umum dalam kajian ini adalah mengkaji tahap kesejahteraan hidup golongan petani di kawasan penanaman padi di dalam kawasan MADA melalui aspek kehidupan mereka.

Manakala objektif khusus pula adalah:

- i. Melihat tahap kesejahteraan hidup petani di kawasan MADA melalui pengenalanpastian pemilikan aset kehidupan mereka.
- ii. Mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi tahap kesejahteraan hidup subjektif petani di kawasan kajian.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan di kawasan penanaman padi MADA sekitar negeri Perlis. Responden dalam kajian ini dipilih berdasarkan rawak mudah setelah penyelidik terlebih dahulu mengenalpasti kawasan kajian. Kajian ini akan menggunakan data primer iaitu temubual bersemuka antara penyelidik dan petani-petani terlibat bagi mengumpul sebahagian besar maklumat dan juga data sekunder sebagai maklumat sokongan dan tambahan yang lain. Data-data dalam kajian ini akan dianalisis menggunakan pakej AMOS dan menggunakan Model Persamaan Berstruktur (Structural Equation Modelling, SEM).

Kajian ini menggunakan teori Analisis Kehidupan Lestari (Sustainable Livelihood Approach, SLA) yang merupakan satu pendekatan pembangunan yang berpusatkan manusia. Idea asas dalam pendekatan ini adalah setiap manusia mempunyai aset kehidupan yang hampir sama namun, kualitinya

mungkin berbeza. Aset-aset ini akan diolahkan menggunakan strategi kehidupan masing-masing untuk mencapai hasil kehidupan sama ada bersifat objektif mahupun subjektif seperti tingkat pendapatan dan kesejahteraan hidup.

Terdapat lima jenis aset kehidupan iaitu aset manusia, aset semulajadi, aset fizikal, aset kewangan dan aset sosial.

Aset manusia adalah seperti umur dan tahap pendidikan, kemahiran dan tahap kesihatan, manakala aset semulajadi adalah merupakan sumber-sumber semulajadi seperti saiz sawah dan status milikan sawah. Aset kewangan adalah sumber kewangan yang dimiliki seperti modal dan simpanan. Manakala aset fizikal adalah seperti kemudahan infrastruktur seperti jalan raya dan pengairan. Aset sosial pula merupakan rangkaian dan keterlibatan individu di dalam mana-mana pertubuhan masyarakat dan juga hubungan kekeluargaan.

DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, terdapat enam perkara utama yang mempengaruhi tahap kesejahteraan hidup subjektif masyarakat iaitu kepuasan (penilaian) mereka terhadap tingkat pendapatan, tingkat perbelanjaan, pendidikan, kesihatan, perumahan dan pemilikan aset keseluruhan. Namun, setelah ujian pengesahan faktor analisis (CFA) dilakukan hanya empat daripadanya mempengaruhi dengan signifikan kesejahteraan hidup subjektif mereka iaitu kepuasan terhadap rumah, kepuasan terhadap pemilikan aset, kepuasan terhadap perbelanjaan dan kepuasan terhadap pendapatan.

Sila rujuk rajah 1 yang menunjukkan model terbaik dalam menerangkan kesejahteraan hidup petani di kawasan

kajian serta item-item bagi setiap komponen tersebut. Rajah tersebut merupakan rajah yang menunjukkan hasil analisis pengesahan faktor bagi pembolehubah kesejahteraan hidup subjektif (SWB). Kesejahteraan hidup subjektif dipengaruhi oleh empat perkara iaitu kepuasan terhadap perumahan (LR), kepuasan terhadap pemilikan (LO), kepuasan terhadap perbelanjaan (LE) dan kepuasan terhadap pendapatan (LY). Manakala keempat-empat pembolehubah tersebut yang merupakan pembolehubah laten pula diukur berdasarkan pembolehubah tercerap masing-masing. Kepuasan terhadap perumahan diukur berdasarkan empat petunjuk iaitu keadaan rumah didiami sekarang (LR1), penilaian terhadap rumah didiami (LR2), penilaian keadaan rumah didiami, lima tahun lepas (LR3) dan jangkaan keadaan rumah didiami lima tahun akan datang (LR4).

Bagi pembolehubah kepuasan terhadap milikan pula, ia diukur berdasarkan tiga perkara iaitu kepuasan terhadap pemilikan harta kelengkapan rumah (LO1), milikan terhadap aset-aset lain (LO2) serta penilaian keseluruhan terhadap aset milikan lima tahun lepas (LO3). Satu lagi item didapati tidak signifikan dalam mengukur kepuasan terhadap milikan iaitu jangkaan terhadap milikan, lima tahun akan datang. Pembolehubah laten kepuasan terhadap perbelanjaan (LE) pula diwakili oleh penilaian terhadap perbelanjaan sekarang (LE2) dan penilaian terhadap perbelanjaan lima tahun lepas (LE3). Kepuasan terhadap pendapatan (LY) pula diwakili oleh keadaan pendapatan sekarang (LY1), penilaian terhadap perbelanjaan sekarang (LY2) dan penilaian terhadap pendapatan lima tahun lepas (LY3).

Ringkasnya, kepuasan terhadap keempat-empat pembolehubah laten tersebut adalah merangkumi aspek bagaimana petani melihat keadaan semasa faktor-faktor tersebut, bagaimana kepuasan semasa mereka terhadap faktor-faktor tersebut, bagaimana kepuasan mereka lima tahun lepas serta kepuasan mereka lima tahun akan datang terhadap faktor-faktor tersebut. Dari model di atas, hanya faktor kepuasan terhadap rumah sahaja yang mampu mempengaruhi kesejahteraan hidup subjektif petani manakala kepuasan terhadap tiga pembolehubah lain, tidak memberikan kesan kepada kesejahteraan hidup mereka.

Kepuasan terhadap milikan aset, perbelanjaan dan pendapatan, sangat berkait dan bergantung dengan tingkat pendapatan semasa petani. Memandangkan sifat semulajadi sektor padi yang terdedah kepada pelbagai risiko, maka pendapatan petani juga adalah tidak terjamin. Ini secara tidak langsung bermaksud petani tidak dapat meramalkan masa depan perbelanjaan dan pendapatan mereka. Keadaan ini ditambah pula dengan pengakuan petani yang mengatakan kebanyakan dari mereka terpaksa menggunakan khidmat 'orang tengah' untuk menampung keperluan hidup seharian mereka sementara menunggu hasil padi mereka. Ini juga secara tidak langsung turut menyukarkan petani dalam membuat ramalan masa depan tentang kepuasan terhadap perbelanjaan dan pendapatan mereka.

Apa juga hasil yang diperolehi melalui analisis pengesahan faktor ini, ia adalah sah sekurang-kurangnya untuk kumpulan petani di kawasan kajian. Ini adalah memandangkan kesemua pembolehubah dalam model adalah signifikan pada nilai p kurang dari 0.05. Secara keseluruhannya juga model yang

dibentuk adalah baik memandangkan semua ciri padanan terbaik model dapat dipenuhi. Nilai chisquare 54.560 dan nilai darjah kebebasan 45 menghasilkan nilai ratio 1.212 (kurang dari 2) manakala nilai-P adalah 0.155 (melebihi 0.05) sepertimana yang disyaratkan. Selain itu, nilai bagi indeks kesepadanan model yang lain juga telah dicapai iaitu GFI = 0.920, RMSEA = 0.047, CFI = 0.993, NFI = 0.960, TLI = 0.989.

Hasil kajian yang dibentangkan dalam bahagian ini merupakan dapatan awal kajian yang merupakan hasil temubual dengan petani MADA sekitar kawasan Kangar. Seramai 99 orang petani padi dari kawasan kajian ditemubual dan menghasilkan penemuan seperti di atas dan juga penerangan diskriptif di bawah.

ANALISIS DESKRIPTIF TERHADAP KEDUDUKAN ASET KEHIDUPAN PETANI

Bahagian ini akan membentangkan analisis terhadap keadaan aset-aset kehidupan petani di kawasan kajian,

yang diandaikan mampu mempengaruhi kesejahteraan hidup mereka.

Tahap pendidikan merupakan salah satu dari aset manusia, yang terdapat di dalam kumpulan aset-aset kehidupan. Lihat jadual 3 bagi tujuan ini. Berdasarkan jadual 3 hampir 75% dari petani di kawasan kajian mempunyai sekurang-kurangnya pendidikan formal di peringkat sekolah, manakala 11% dari keseluruhan mereka tidak mempunyai apa-apa pendidikan, sementara pendidikan tertinggi di kalangan mereka adalah ijazah dan ke atas. Ini bermaksud petani-petani di kawasan kajian adalah celik huruf dan memudahkan mereka untuk menerima tunjuk ajar dan berinteraksi dengan kaedah-kaedah pertanian moden yang diperkenalkan. Ini merupakan asas penting dalam usaha kerajaan untuk menambahbaik sistem pertanian dan sekaligus meningkatkan hasil dan kesejahteraan hidup petani. Petani dengan kelulusan diploma dan ke atas adalah mereka yang bertani sebagai pekerjaan sampingan.

Meskipun tahap pendidikan adalah penting namun, ia merupakan aset yang sukar untuk diubah memandangkan kebanyakan petani telah berusia malah umur paling rendah bagi petani di kawasan ini adalah 30 tahun sementara umur paling tinggi adalah 85 tahun, dengan purata umur adalah 57 tahun.¹

Jadual 4 jelas menunjukkan hampir separuh dari petani merupakan pemilik dan penyewa bagi tanah sawah mereka Manakala hampir 37% pula memiliki tanah sawah sendiri. Status milikan sawah ini secara tidak langsung dapat memberikan gambaran tentang bagaimana tahap kehidupan petani di kawasan kajian. Hampir 46 % petani memiliki tanah jenis tanah sewa dan tanah sendiri manakala 36.4% sahaja petani mengerjakan tanah mereka sendiri. Keadaan ini sudah pasti akan mempengaruhi kesejahteraan hidup mereka secara tidak langsung melalui kos terlibat dalam setiap musim, yang akhirnya akan mempengaruhi pendapatan mereka. Tidak seperti aset tahap pendidikan, status milikan sawah ini boleh berubah melalui masa dan tahap ekonomi petani.

Meskipun terdapat banyak bidang pekerjaan di kawasan kajian, namun dari jadual 5 didapati hampir 82% dari keseluruhan responden dalam kajian ini menjadikan petani sebagai pekerjaan utama mereka. Manakala bakinya sebanyak 18% lagi menjadi petani sebagai pekerjaan sampingan mereka. Walau apa jua alasan mereka untuk terlibat dalam aktiviti bersawah ini, sebarang penambahbaikan dari sudut dasar pertanian, akan memberi kesan kepada bilangan individu yang ramai.

Dari sudut sokongan dan kemudahan, dalam konteks petani padi apa yang paling utama adalah pengairan dan memandangkan kajian ini dijalankan di kawasan MADA maka semua responden menggunakan kemudahan pengairan yang disediakan oleh MADA. Selain jarak fizikal kedudukan sawah yang berbeza, tahap kepuasan mereka terhadap sistem pengairan ini juga berbeza. Jadual 6 adalah berkaitan dan menunjukkan tahap kepuasan responden terhadap sistem pengairan yang mereka gunakan.

Sebanyak 21% dari responden mengatakan tidak puas hati terhadap sistem pengairan yang disediakan manakala 45.5% lagi responden mengatakan sekurang-kurangnya puas hati terhadap pengairan. Keadaan ini bukanlah suatu yang menghairan memandangkan kedudukan dan keadaan fizikal tanah sawah mereka yang pelbagai dan berbeza. Bagi mereka yang tidak puas hati terhadap sistem pengairan, antara alasan mereka adalah penyenggaraan yang lemah dan keadaan kedudukan sawah dari sungai. Keadaan sistem pengairan yang uzur dan tidak diselenggara dengan baik sedikit sebanyak mengganggu kelancaran proses pengaliran air masuk dan keluar dari sawah dan seterusnya mengganggu aktiviti penanaman padi mereka dan seterusnya mempengaruhi hasil mereka. Keadaan ini sudah pasti menimbulkan rasa kurang puas hati di kalangan petani.

¹ Maklumat adalah berdasarkan dapatan kajian tetapi tidak disertakan di dalam laporan.

Selain dari itu, kedudukan fizikal sungai dan sawah turut mempengaruhi tahap kepuasan mereka. Ini terutamanya bagi mereka dengan kedudukan sawah yang tidak sama paras dengan sungai, sama ada lebih tinggi ataupun lebih rendah. Petak sawah yang lebih rendah dari sungai menyebabkan air sentiasa bertakung di dalam petak sawah dan tidak boleh dikeringkan dan akan mengganggu peringkat pembesaran padi. Manakala bagi sawah dengan kedudukan yang lebih tinggi dari sungai, mempunyai masalah untuk mengalirkan air ke dalam sawah. Petani-petani perlu mempunyai pam air untuk membantu dalam tujuan tersebut. Ketiadaan saluran parit yang sesuai untuk mengalirkan air keluar dari sawah juga antara punca kepada perkara ini. Mereka mencadangkan agar pihak MADA memandang serius perkara ini terutama dari segi penyenggaraan dan dapat meningkatkan prasarana sistem pengairan sedia ada kerana ia sangat penting dalam mempengaruhi hasil dan kehidupan mereka.

Dari sudut masalah kewangan pula, keadaan semulajadi dalam sistem hasil bagi petani padi sentiasa mendedahkan mereka kepada masalah kewangan. Namun tahap masalah tersebut adalah pelbagai dan bergantung kepada kekukuhan kewangan mereka. Jadual 7 jelas menunjukkan sebanyak 66% petani menghadapi masalah kewangan yang teruk manakala hanya 14% sahaja dari mereka hampir tiada masalah kewangan. Keadaan ini dianggap biasa bagi petani memandangkan mereka terpaksa menunggu sehingga empat bulan untuk mendapatkan hasil. Bagi mengatasi masalah ini, kebanyakan mereka meminjam wang dari orang tengah (broker) untuk menampung keperluan harian mereka. Masalah kewangan ini turut berkait rapat dengan masalah-masalah lain seperti pengairan serta masalah tenaga buruh.

Kekerapan lawatan dari agensi atau wakil, merupakan salah satu perkara yang turut perlu diberikan perhatian. Ini secara tidak langsung menunjukkan tahap ambil peduli pihak-pihak berkenaan terhadap petani dan masalah mereka. Dari jadual 8 di dapati sebanyak 32% dari petani mengatakan dalam tempoh setahun, tiada langsung lawatan dari pihak agensi atau wakil, terhadap sawah mereka dan hanya 15 peratus sahaja mendapat lawatan yang agak kerap (empat kali dan lebih). Alasan yang diberi oleh petani berhubung perkara ini adalah, pegawai pertanian atau wakil akan datang ke sawah hanya sekiranya sawah tersebut menghadapi masalah serius. Sekiranya sawah berkenaan tidak mempunyai apa-apa masalah yang serius, lawatan tidak akan dilakukan. Dari statistik di atas apa yang boleh disimpulkan adalah kebanyakan sawah di dalam kawasan kajian tidak mempunyai masalah yang serius yang memerlukan perhatian khusus dari pihak terlibat. Keadaan ini merupakan suatu anugerah faktor untuk petani-petani di kawasan kajian yang turut mempengaruhi hasil dan kesejahteraan hidup mereka.

PENUTUP


Sebagai kesimpulannya apa yang dapat dinyatakan di sini adalah tingkat kesejahteraan hidup subjektif petani di kawasan MADA perlis dipengaruhi oleh empat faktor iaitu kepuasan terhadap rumah (LO), kepuasan terhadap pemilikan aset (LO), kepuasan terhadap perbelanjaan (LE) dan kepuasan terhadap pendapatan (LY). Jika dilihat dari sudut keadaan aset kehidupan, secara keseluruhannya, keadaan aset kehidupan mereka tidak berada pada tahap yang membanggakan. Namun, sejauhmana keadaan ini boleh mempengaruhi kesejahteraan hidup mereka, sukar untuk dipastikan tanpa sebarang kajian terperinci. Meskipun demikian, banyak lagi ruang untuk penambahbaikan dalam pelbagai aspek yang perlu diberikan perhatian terutamanya dari aspek kewangan, peranan dan perhatian agensi berkaitan serta yang paling penting infrastruktur pengairan. Sekiranya aspek tersebut dapat ditambahbaikkan tingkat kesejahteraan hidup mereka pasti akan dapat ditingkatkan.

Dalam kesungguhan Negara untuk mencapai matlamat Wawasan 2020, perkara ini perlu diberikan perhatian. Ini adalah kerana, sebelum Negara kita dapat diistiharkan sebagai Negara maju, setiap negeri perlu terlebih dahulu mencapai status negeri maju. Kemajuan sesebuah negeri adalah dinilai berdasarkan kemajuan dan kesejahteraan hidup seluruh rakyatnya. Mana-mana kumpulan masyarakat yang gagal ditingkatkan kesejahteraan hidupnya, akan akhirnya mengagalkan atau sekurang-kurangnya melambatkan matlamat pencapaian negeri dan Negara maju.

Dalam memastikan kelancaran perjalanan kearah pencapaian matlamat Negara maju menjelang 2020, perhatian yang lebih perlu diberikan kepada sektor pertanian ini, seperti mana yang diutarakan oleh Bank Dunia, memandangkan kumpulan ini merupakan kumpulan yang agak terpinggir dari arus pembangunan Negara. Meningkatkan kesejahteraan hidup golongan petani ini merupakan salah satu cabaran yang perlu ditangani dengan segera supaya matlamat Negara maju dapat dicapai menjelang tahun 2020 nanti.

RUJUKAN

- Andre van Hoorn (2007). *A Short Introduction To Subjective Well-Being: Its Measurement, Correlates and Policy Uses*. Conference Paper. Centre for Economic and International Studies (CEIS), the Joint Research Centre of The European Commission and the Organisation for Economic Cooperation and Development (OECD).
- DFID (1999). *Sustainable livelihoods guidance sheets*. London: DFID
- Diener, E. (2009). *Subjective well-being*. The Science of Well-Being, 11-58. Fabrice Nimpagartise and David Culver. A Broder Prespective of Measuring The Well-Being of Rural Farm and Non-farm Households. Agriculture and Agri-food Canada.
- Fred M. Hayward (1979). *Perception on Well-being in Ghana 1970 and 1975*. African Studies Reviews. Vol 22, no 1 (April 1979). Pp 109-125.
- Lasse Krantz(2001). *The Sustainable Livelihood Approach to Poverty Reduction: An Introduction*. Swedish International Development Cooperation Agency.
- Mohd Shaladdin, Wan Abdul Aziz dan Nik Wan. (2006). *Analisis Kesejahteraan Hidup Nelayan Pesisir*. Jurnal Kemanusiaan. Vol. 08 pp. 58-77
- Ms Salam SAAB (2009). *Sustainable Livelihood Approach in Rural Development*. Economic And Sosial Commission for Western Asia (ESCWA).
- Norizan Abdul Ghani (2003). *Kualiti Hidup Penduduk Pulau Negeri Terengganu: Satu Kajian Di Pulau Redang dan Pulau Perhentian*. PHD Tesis.
- Perangkaan MADA 2010. Bahagian Perancangan dan Teknologi Maklumat MADA Ampang Jajar, Kedah.
- Rabobank (2011). *It's More Than The Economy, Stupid! It's all about Well-being*. Economic Research Department. The Netherlands.
- Renato Villano dan Euan Fleming (2006). *Technical Inefficiency and Production Risk in Rice Farming: Evidence from Central Luzon Philippines*. Asian Economic Journal. Vol. 20 No. 1, 29-46.
- Renwick, R.,(2006). *The Quality life model*. <http://www.utoronto.ca/qol/concepts.htm>, pada 8/4/2012
- Stiglitz, J.E., A. Sen and J. Fitoussi (2009). *Report by The Commission On The Measurement on Economic Performance and Sosial Progress*. Paris: The Commission On Economic and Sosial Progress.
- Veenhoven R. (2006). *How Do We Assess How Happy We are? Tenets, Implications and Tenability of Three Theories*. Paper conference on 'New Directions in the Study of Happiness: United States and International Perspectives', University of Notre Dame, USA, October 22-24.



RAJAH 1: Model Penentu Kesejahteraan Hidup Subjektif Petani MADA

JADUAL 1: Purata Hasil Padi Kasar (Kg/Ha) Mengikut Wilayah MADA Bagi Tahun 2000 hingga 2010

Wilayah MADA	2000	2001	2002	2003	2004	2005*	2006	2007	2008	2009	2010**
1	4681	9939	11051	10896	11481	9554	10884	11955	12554	12092	6013
2	4510	9918	10883	10700	11291	9258	11620	10937	12012	11885	5999
3	4395	9791	10335	10549	10117	9750	10440	10066	11270	11165	5785
4	4673	10061	10843	10913	11168	10021	11457	11278	12091	11845	6070

* purata hasil padi tahun 2005 rendah disebabkan kejadian banjir

**data tahun 2010 adalah untuk musim pertama sahaja.

Sumber: Perangkaan MADA 2010

JADUAL 2: Prestasi Pendapatan Setahun dan Kadar kemiskinan Tahun 1996 hingga 2010 bagi Petani MADA

Tahun	1966	1972	1975	1982	1992	2000	2005	2006	2007	2008	2009	2010
Pendapatan dari pertanian	892	1833	3523	3162	7121	14679	14238	16032	14420	15017	25574	25101
Pendapatan bukan pertanian	200	262	478	405	2099	1965	1966	1324	971	1625	1897	1870
Jumlah	1092	2095	4001	3567	9220	16644	16204	17356	15391	16642	27471	26971
Kemiskinan %	72	42	33	35	18	N.A	4.3	4.3	4.3	1.4	-	-

Sumber: Perangkaan MADA 2010

JADUAL 3: Tahap Pendidikan

Tahap pendidikan	Peratus
tiada pendidikan	11.1
sekolah pondok	6.1
sekolah rendah	25.3
sekolah menengah rendah	23.2
sekolah menengah	26.3
Diploma	3.0
ijazah dan ke atas	4.0
lain-lain	1.0
Jumlah	100.0

JADUAL 4: Status Milikan Sawah

Status milikan	Peratus
Tanah pajak	2.0
tanah tol	1.0
tanah sewa dan tanah sendiri	45.5
menumpang tanah orang	1.0
tanah sewa	14.1
tanah sendiri	36.4
Jumlah	100.0

JADUAL 5: Pekerjaan Utama Petani

Jenis Pekerjaan utama	Peratus
bekerja sendiri	1.0
Berniaga	4.0
Guru	4.0
pegawai kerajaan	1.0
pekerja am	1.0
pembantu tadbir	1.0
pendawai elektrik	1.0
Pengawal	1.0
penoreh getah	1.0
Pesara	1.0
pesara awam	1.0
Petani	81.8
store keeper	1.0
Jumlah	

JADUAL 6: Tahap Kepuasan Terhadap Sistem Pengairan

Tahap kepuasan	Peratus
sangat tidak puas hati	4.0
tidak puas hati	17.2
agak puas hati	33.3
puas hati	27.3
sangat puas hati	18.2
Jumlah	100.0

JADUAL 7: Tahap Masalah Kewangan

Tahap Masalah	Peratus
sangat teruk	3.0
teruk	16.2
agak teruk	44.4
kurang teruk	22.2
hampir tiada masalah	14.1
Jumlah	100.0

JADUAL 8: Kekerapan Lawatan Dari Agensi

Kekerapan lawatan	Peratus
tidak pernah	32.3
sekali bagi setiap tahun	14.1
dua - tiga kali setahun	38.4
empat kali dan lebih setahun	15.2
Jumlah	100.0